



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION  
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET  
PROCUREMENT AND ASSET MANAGEMENT DIVISION  
ARAS 5, BLOK E2, KOMPLEKS E,  
LEVEL 5, BLOCK E2, COMPLEX E,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA



Telefon : 03 - 8884 6860  
Faks : 03 - 8884 6824 / 6800

**"1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"**

Ruj. Kami : KP(BPPA) 800-2/10/2 Jld. 3 (21)  
Tarikh : 13 Ogos 2012

### **SEGERA DENGAN FAKS**

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia  
13 & 15 Jalan Murai Dua  
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh  
51100 Kuala Lumpur

Tuan,

### **ADUAN GURU DIARAHKAN MENGISI DATA APLIKASI MYSPATA DI BAWAH SELIAAN PEJABAT PELAJARAN DAERAH (PPD) MANJUNG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat dari Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia no. rujukan (14) dlm.KPPK (IP) bertarikh 28 Julai 2012 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, sistem mySPATA ini ditadbir urus di bawah seliaan dan kawalan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK), Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama MAMPU. Sistem ini bertujuan bagi menguruskan aset tak alih milik Kerajaan Persekutuan Malaysia dan diperluaskan penggunaannya ke seluruh Kementerian.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluaskan penggunaan sistem mySPATA bagi pendaftaran data Daftar Aset Khusus (DAK) ke setiap JPN/PPD/Bahagian di bawah KPM di Semenanjung Malaysia setelah pihak JPAK memutuskan setiap Kementerian perlu menyelesaikan data-data DAK tersebut menjelang **Jun 2012**.



4. Untuk makluman tuan, pengisian/pendaftaran sistem mySPATA ini terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu :

- 1) Daftar Premis Aset (DPA)
- 2) Daftar Aset Khusus (DAK)

Pihak KPM sendiri telah mengambil tanggungjawab mendaftar masuk keseluruhan data-data aset tak alih milik KPM di peringkat DPA dan secara amnya keseluruhan data yang telah didaftarkan adalah sebanyak enam belas ribu (16,000). Sepatutnya data-data DPA tersebut perlu diisi oleh Pengguna Sistem di peringkat sekolah dan institusi milik KPM tetapi atas ihsan dan belas kasihan dengan beban yang sedia ada ke atas Pengguna Sistem di peringkat tersebut maka pihak KPM telah mengambil peranan tersebut.

5. Seterusnya, bagi pendaftaran di peringkat DAK, KPM telah melantik Pentadbir Sistem dan Penyelaras di peringkat JPN/PPD bagi membantu menyelaraskan pendaftaran DAK di peringkat sekolah. Ini sekaligus bermakna JPN/PPD telah diturunkan kuasa oleh KPM untuk melantik Pengguna di peringkat sekolah. Berdasarkan rekod, setiap PPD menjaga antara 150 hingga 200 buah sekolah. Oleh yang demikian, adalah merupakan satu kesukaran sekiranya semua pendaftaran DAK perlu diselesaikan oleh PPD sendiri.

6. Justeru, sokongan dan bantuan guru-guru di peringkat sekolah amat diperlukan bagi membantu menyiapkan pendaftaran DAK. Ini adalah kerana **pendaftaran DAK meliputi maklumat yang lebih terperinci melibatkan Blok, Ruang, Aras dan Binaan Luar di setiap sekolah**. Pengguna sistem akan dilantik dikalangan guru atau kakitangan sekolah bergantung kepada perbincangan dan persetujuan antara JPN/PPD dengan sekolah tersebut. Pendekatan ini diambil memandangkan pegawai yang bekerja di sekolah berkenaan lebih arif mengenai fizikal sekolah masing-masing.

7. Untuk makluman tuan, dua (2) orang Pentadbir Sistem yang dilantik adalah terdiri daripada satu (1) orang wakil dari JPN dan satu (1) orang wakil dari PPD manakala Penyelaras Sistem yang telah dilantik adalah terdiri daripada satu (1) orang dari PPD

8. Sehubungan itu, **Pentadbir Sistem di peringkat Jabatan perlu melantik sekurang-kurangnya satu (1) orang wakil di setiap sekolah di negeri masing-masing sebagai Pengguna Sistem** bagi membantu memasukkan dan mengemaskini data-data yang diperlukan di peringkat DAK. Surat pelantikan daripada KPM no rujukan KP (BPPA) 800-2/10/2 Jld. 2 (47) bertarikh 26 April 2012 adalah berkaitan.